



Penyakit Leptospirosis



Cara Jangkitan

Manusia boleh dijangkiti sekiranya terdedah secara langsung dengan air yang tercemar dengan air kencing haiwan yang terjangkit. Manusia juga boleh dijangkiti jika mengambil makanan atau minuman yang tercemar dengan air kencing haiwan yang terjangkit. Tempoh inkubasi adalah antara 5 hingga 14 hari.

Langkah-langkah Pencegahan

- Jangan bermain air dan lopak terutamanya selepas banjir
- Mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum menyediakan makanan, sebelum makan dan selepas ke tandas
- Mencuci tangan, kaki serta bahagian anggota lain dengan sabun selepas bekerja di kebun, membersihkan sampah dan kawasan rumah selepas banjir
- Tutup dan tudung makanan supaya dihindari dari tikus
- Menjaga kebersihan persekitaran rumah
- Cuci dan balut sebarang luka yang terdapat di anggota badan dengan sempurna
- Segera mendapatkan rawatan jika mempunyai tanda - tanda penyakit ini

